

12/09/1998

Malaysia janjikan kejohanan terbaik

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kuala Lumpur mengulangi janjinya untuk menjadikan Sukan Komanwel XVI, yang disempurnakan upacara pembukaannya di Stadium Nasional malam tadi, temasya sukan terbaik yang pernah dianjurkan abad ini.

Pengerusi penganjur, Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, berkata ia adalah satu penghormatan bagi Malaysia sebagai negara Asia pertama menjadi tuan rumah kejohanan kedua paling berprestij dunia.

"Kami akan pastikan ia akan menjadi kejohanan terbaik yang pernah diadakan abad ini," katanya kepada kira-kira 100,000 hadirin yang menghadiri upacara itu.

Upacara perasmian disempurnakan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar tepat jam 10.50 malam ini.

Turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden Persekutuan Sukan Komanwel (CGF), Putera Edward, Presiden CGF, Michael Fennell, dan menteri-menteri Kabinet.

Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, dan Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC), Juan Antonio Samaranch.

Hashim berkata Malaysia sudah menyediakan pentas terbaik untuk memastikan semua atlit dan pegawai yang hadir di Kuala Lumpur berasa selesa seperti di rumah sendiri.

"Walaupun Asia mengalami kegawatan ekonomi, kami berjaya membina kemudahan sukan terbaik di rantau ini dan ia juga setaraf dengan mana-mana kemudahan yang dikatakan terbaik di dunia."

"Saya boleh bercakap dengan yakin bahawa dengan kemudahan seperti ini dan sumber-sumber yang ada di negara ini, Malaysia mampu menjadi tuan rumah mana-mana kejohanan lain, baik sukan individu mahupun kejohanan pelbagai acara," katanya.

Menurutnya, Malaysia berasa amat bangga kerana mencatat sejarah dengan penyertaan terbanyak dari segi negara dan atlit.

"Saya dengan gembira ingin melaporkan bahawa sebanyak 70 negara dan wilayah menerima jemputan kami, dengan 4,208 atlit dan 2,460 pegawai dari wilayah Komanwel, iaitu Afrika, Amerika, Asia, Carribean, Eropah dan Ocaenia, menjadikan ia sebagai kejohanan terbesar yang pernah diadakan dalam sejarah Sukan Komanwel," katanya.

Hashim juga mengalu-alukan kehadiran kali pertama Cameroon dan Mozambique serta Kiribati sebagai ahli baru dalam gagasan Komanwel.

Fiji juga kali pertama menyertai temasya ini selepas menarik diri beberapa kali. Bagi menyatakan komitmen Fiji, turut hadir ialah Perdana Menteri, Sitiveni Rabuka.

Hashim turut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, terutama Dr Mahathir, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, semua sukarelawan, agensi serta syarikat korporat yang bertungkus-lumus untuk menjayakan temasya ini dengan cemerlang.

"Kepada atlit Malaysia, saya berharap anda dapat menegakkan semangat 'Bersatu Selamanya', sesuai dengan lagu tema Kuala Lumpur '98."

"Sukan Komanwel adalah kejohanan yang mengumpul golongan muda dan remaja dan sentiasa dianggap sebuah pertandingan muhibah."

"Pastikan tetamu sentiasa gembira dan jadikan kejohanan ini sebagai peluang untuk mengeratkan persahabatan lama dan mencari kawan baru,"

katanya.

(END)